

Mencari Kekayaan Sebenar Melalui Amalan Sedekah



Oleh: Siti Noor Jannah Hamdan

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 20 Jun 2021

Pada masa ini, sebahagian manusia kelihatan taksub membangunkan rumah-rumah dan bangunan-bangunan yang besar dan tinggi serta tampak mewah.

Selain itu, ramai juga anggota masyarakat tanpa mengira peringkat usia yang berlumba-lumba membeli dan mengumpul emas sehingga toko emas sentiasa kelihatan sesak.

Kini, tidak hairan lagi sekiranya kita dapat melihat hantaran dalam media sosial seperti Facebook dan Instagram mengenai harta kekayaan masing-masing seperti membeli emas, rumah, tanah dan kereta.

Sebenarnya, harta dan wang bukanlah kayu pengukur kekayaan seseorang. Boleh jadi si miskin yang kais pagi makan pagi lebih kaya berbanding si kaya yang hanya memetik jari untuk memesan makanannya.

Seperti yang dijelaskan oleh Ustaz Ebit Lew dalam laman Facebook beliau, “Kekayaan yang sebenar bukan terletak daripada jumlah harta yang kita kumpul, akan tetapi orang yang kaya adalah orang yang rajin bersedekah.”



Gambar hiasan

Allah SWT berfirman dalam Surah al-Imran, ayat 14 mafhumnya, “Telah dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia untuk menyukai benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak, harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternakan serta kebun-kebun tanaman. Semuanya itu adalah kesenangan hidup di dunia. Dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu syurga).”

Ayat ini merupakan bukti bahawa manusia mempunyai sifat semulajadi iaitu suka mengikut telunjuk hawa nafsu yang lebih cenderung mengumpul harta kekayaan dan mengejar dunia yang tiada hujung pangkalnya.

Orang yang bernasib baik ialah orang yang sentiasa menguatkan iman mereka dan mengejar akhirat melalui jalan yang lurus dan benar serta mengamalkan nilai-nilai yang mulia seperti sedekah.

Kebanyakan orang menganggap bahawa sedekah adalah dalam bentuk wang ringgit sahaja. Namun, ramai yang tidak menyedari bahawa sedekah boleh datang dalam pelbagai bentuk seperti makanan, pakaian atau barangan keperluan.

Islam menganjurkan kita untuk bersedekah walaupun ketika kesempitan. Namun, selama ini, ramai dalam kalangan kita beranggapan bahawa sedekah hanya perlu dilakukan ketika senang.

Walhal, amalan yang terbaik adalah bersedekah pada bila-bila masa sahaja. Sekecil-kecil nilai wang yang kita sedekahkan ketika dalam kesempitan adalah sebesar-besar nilai di hadapan Allah SWT.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud, “Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah adalah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah), Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakinya, dan Allah Maha Luas (rahmat) kurniannya, lagi meliputi ilmu pengetahuannya.”

Ayat ini bermaksud bahawa sesiapa yang bersedekah di jalan Allah SWT, maka Allah SWT akan ganti semula dengan ganjaran iaitu yang paling sedikit adalah 10 kali ganda pahala manakala yang paling banyak adalah 700 kali ganda.

Sehubungan itu, kita hendaklah sentiasa mensyukuri nikmat Allah SWT dan meningkatkan amalan-amalan mulia seperti sedekah. Oleh kerana itu, kekayaan yang sesungguhnya adalah kekayaan jiwa.

Orang yang berasa cukup dengan pemberian Allah SWT tidak akan terlalu ghairah untuk menambah harta dan terus-menerus mencarinya. Hakikat itu menunjukkan mereka sebenarnya ialah orang yang kaya.

Pada masa yang sama, tidak menjadi satu kesalahan sekiranya seseorang itu mahu menambah kekayaannya sekiranya dia berniat untuk menginfakkan hartanya ke jalan yang diredai Allah SWT dan tidak berniat untuk bermegah-megah.

Hal ini kerana kekayaan yang sebenar bukanlah terletak pada harta dan wang ringgit, tetapi ia berada dalam hati yang suka bersedekah dan jiwa yang sering mengingati Allah SWT